

PENDEKATAN BAHARU KUTIPAN ZAKAT DI NEGERI KEDAH

New Approach of Zakat Collection in the State of Kedah

Osman. M.F.^{1*}

Muhammad Nasri Md Hussian²

Syarifah Md Yusuf³

Muhammad Noor Habibi Long⁴

Mohd Sani Harun⁵

¹ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan UUM

^{2,4} Prof Madya, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan UUM

³ Pensyarah Kanan, Institut Pengurusan Halal & Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan UUM

⁵ Tim. Ketua Eksekutif Kutipan, Lembaga Zakat Negeri Kedah

*Corresponding author (Email: farihal@uum.edu.my)

Received: 24 February 2022 Reviewed: 27 February 2022 Published: 31 March 2022

Abstract: *The reluctance of paying zakat among Muslims became such a big issue during the time of the Caliph Abu Bakar Assiddiq until he declared war on those who refused to pay zakat. Nowadays, there are some Muslims who feel reluctant to pay zakat to the zakat institution. Otherwise, they prefer to pay zakat directly to the asnaf that they have decided on their own. This affects the amount of collection by the zakat institution, thus reducing the amount of distribution to asnaf. As a result, the asnaf could not be fully assisted and various forms of assistance could not be implemented. However, Kedah has seen a significant increase in zakat collection lately. Therefore, this study aims to identify the transformation of the zakat collection implemented in Kedah State. Qualitative research focuses on library research and field research. The results of the study found that LZNK uses information technology as a medium to transform the management of Kedah zakat collection. LZNK develops an information database. The total of daily and monthly collection, as well as yearly collection could be accessed in real time by the public through the LZNK Website. The transformation using this information technology system builds the confidence of zakat payers and further increases the annual collection of zakat in the state of Kedah. The transformation implemented in Kedah should be highlighted so that all zakat institutions can emulate it.*

Keywords: *Kedah, Transformation, Zakat collection, Information technology*

Abstrak: Keengganan mengeluarkan zakat dalam kalangan umat Islam menjadi isu besar pada zaman Khalifah Abu Bakar Assiddiq sehinggakan beliau mengisytiharkan perang terhadap golongan yang enggan mengeluarkan zakat. Pada masa kini, terdapat pula segelintir umat Islam yang berasa berat untuk membayar zakat kepada institusi zakat, malahan mereka lebih suka membayar zakat terus kepada asnaf yang mereka tentukan sendiri. Hal ini menjejaskan jumlah kutipan oleh institusi zakat, seterusnya mengurangkan jumlah agihan kepada asnaf. Akibatnya para asnaf tidak dapat dibantu sepenuhnya dan pelbagai bentuk bantuan tidak dapat dilaksanakan. Namun, di Kedah telah menyaksikan peningkatan kutipan zakat yang agak signifikan sejak akhir-akhir ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti

transformasi kutipan zakat yang dilakukan di Negeri Kedah. Penyelidikan kualitatif menumpu kepada penelitian kepustakaan (library research) dan penelitian kajian di lapangan (field research). Hasil kajian mendapati LZNK menggunakan teknologi maklumat sebagai medium mentransformasi pengurusan kutipan zakat Kedah. LZNK membangunkan pangkalan data maklumat secara automatik bersistem. Jumlah kutipan harian, bulanan dan tahunan dapat dilihat oleh orang ramai melalui laman sesawang LZNK. Transformasi menggunakan sistem teknologi maklumat ini membina keyakinan pembayar zakat dan seterusnya meningkatkan kutipan tahunan zakat di negeri Kedah. Transformasi yang dilaksanakan di Kedah wajar diketengahkan agar semua institusi zakat dapat mencontohinya.

Keyword: Kedah, Transformasi, Kutipan zakat, Teknologi Maklumat

Pengenalan

Zakat adalah ibadah maliyah yang berkaitan dengan harta. Zakat tidak berkisar dalam ruang lingkup ibadah semata-mata, malah zakat mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan aspek ekonomi. Ahli ekonomi menjadikan zakat sebagai instrumen pemangkin pembangunan ekonomi negara ke arah berpendapatan tinggi (Zarina, 2012). Hal demikian kerana zakat menyantuni golongan susah dan miskin yang memerlukan bantuan kewangan untuk memenuhi keperluan kehidupan seperti makan minum, termasuklah pendidikan dan keselamatan. Pada masa yang sama zakat juga membantu golongan yang terbeban dengan hutang, terputus bekalan atau terkadas dalam perjalanan (Hambari, Arif dan Muntaha, 2020). Allah telah menjelaskan golongan yang berhak menerima zakat dalam Surah al-Taubah, 9:60 yang bermaksud:

“...Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui, Maha bijaksana...”

(Surah al-Taubah, 9:60)

Pembayaran zakat bukan hanya tanda kesempurnaan iman seseorang Muslim, malah zakat merupakan sebahagian daripada ekosistem kehidupan masyarakat Islam. Kewajipan zakat menjadi salah satu daripada lima rukun Islam. Perintah mengeluarkan zakat jelas dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran iaitu Surah al-Taubah, 9:103 yang bermaksud:

“...Ambillah zakat dari harta mereka, guna membersihkan dan menyucikan mereka, dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doamu itu (menumbuhkan) ketenteraman jiwa bagi mereka. Allah Maha Mendengar, Maha Mengetahui...”

(Surah al-Taubah, 9:103)

Kedua-dua ayat al-Quran di atas dapat menjadi landasan kepada usaha transformasi kutipan zakat bagi mencapai *maqasid* pensyariatkan zakat iaitu untuk menjaga kemaslahatan asnaf yang dinyatakan dalam al-Quran. Ayat pertama (Surah al-Taubah, 9:60) menyebut dengan jelas jenis asnaf yang perlu dibantu. Ayat tersebut menyebut lapan golongan iaitu: *fakir*,

miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fi sabilillah dan ibnu sabil. Menurut Mohamed Izam (2010), dana zakat perlu diagihkan kepada lapan asnaf. Pengagihan boleh dibuat dalam pelbagai bentuk agihan. Ayat kedua pula, (Surah al-Taubah, 9:103) menjelaskan perintah mengutip zakat bagi membersihkan diri dan menyempurnakan iman. Zakat menjadi ibadah dan boleh membantu pihak lain.

Walaupun zakat wajib ke atas umat Islam, Menurut Anwar Mohd Ali (2014) menyatakan terdapat segelintir umat Islam pada zaman pemerintahan Khulafah Ar-Rashidin Abu Bakar enggan mengeluarkan zakat. Khulafah Ar-Rashidin Abu Bakar mengambil tindakan tegas dengan bertindak mengistiharkan perang terhadap golongan tersebut seperti dinyatakan dalam ucapannya yang bermaksud:

“...Demi Allāh, jika mereka enggan membayar seutas tali yang mengikat seekor unta, yakni apa yang patut mereka bayarkan kepada Rasūlullāh s.a.w. Saya menyatakan perang terhadap mereka kerana keengganan mereka...”

(Kitab *al- Khulafah Ar-Rashidin*)

Ketegasan tersebut perlu bagi menjaga agama, di samping kesejahteraan umat Islam. Hal demikian kerana keenggan membayar zakat akan menyebabkan kebajikan dan hak asnaf fakir miskin dinafikan. Zakat berperanan membantu fakir miskin asnaf yang disebutkan dalam al-Quran agar mereka dapat keluar dari belenggu kemiskinan. Golongan miskin wujud sejak zaman dahulu dan berterusan sehingga kini.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Hal ehwal zakat di negeri Kedah diletakkan di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh LZNK, Kedah mensasarkan kutipan zakat sebanyak RM244 juta pada tahun 2021 tetapi hanya menghasilkan kutipan sebanyak RM102,698,881.86. Jumlah tersebut menunjukkan penurunan sebanyak RM115,214,139 berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM201,721,300. Menurut berita yang dikeluarkan LZNK pada 8 Disember 2020 Pendemik Covid-19 banyak menjejaskan pelbagai pihak dan turut memberi kesan kepada kemampuan mereka membayar zakat.

Jadual 1. Kutipan Zakat Kedah tahun 2020-2021

Tahun	2020	2021
Kutipan zakat	RM201 juta	RM102 juta
Perbezaan antara tahun 2020 -2021	RM115 juta	

Sumber: Laman Sesawang rasmi LZNK

Senario perbezaan jumlah kutipan yang begitu banyak menyebabkan ketidakseimbangan jumlah yang boleh diagih kepada asnaf. Negeri Kedah satu-satu negeri yang menjalankan banyak projek membasmi kemiskinan dan inovasi. LZNK turut memenangi anugerah inovasi di peringkat kebangsaan pada tahun 2021 iaitu menerusi produk baharu sistem Zakat on Touch.

Di negeri Kedah, penurunan jumlah kutipan bukan berkaitan keengganan penduduk Muslim mengeluarkan zakat seperti yang berlaku pada zaman Khalifah Abu Bakar. Penurunan tersebut berlaku kerana kesan pandemik Covid-19 dan kekurangan kesedaran serta keperihatinan penduduk Kedah untuk membayar zakat kepada institusi zakat. Menurut Ahmad

Hidayat dan Saidatul (2014), terdapat rungutan ke atas institusi zakat berkaitan kutipan dan agihan. Rungutan ini memberi kesan kepada keyakinan masyarakat kepada MAIN dan institusi zakat. Ismail dan Masturah (2014) menyokong dengan menyatakan persepsi masyarakat turut mempengaruhi turun naik jumlah kutipan zakat secara langsung. Selain itu, Mohd Anuar dan Mohammad (2017) pula mendapati kutipan zakat merentasi sempadan negeri, perlantikan ejen kutipan zakat dan beberapa lagi strategi kutipan yang digunakan bagi meningkatkan hasil kutipan telah mewujudkan polemik dan isu dalam kalangan institusi zakat negeri di Malaysia. Hal ini tidak wajar berlaku kerana setiap negeri di Malaysia mempunyai memperuntukkan undang-undang berkaitan kutipan dan agihan zakat melalui Akta atau Enakmen negeri masing-masing. Muhammad Hafiz (2017) menjelaskan Mahkamah Syariah turut mempunyai bidang kuasa negeri terhadap pendakwaan kes-kes jenayah syariah yang melibatkan orang yang beragama Islam bagi kesalahan mengutip, mengagih atau menyalahgunaan bantuan zakat.

Persoalan yang timbul adalah apakah pendekatan baharu yang telah diambil oleh institusi zakat bagi meningkatkan jumlah kutipan zakat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan baharu yang dilaksanakan oleh LZNK dalam aspek kutipan zakat agar tidak berlaku keciciran kutipan zakat.

Kaedah Penyelidikan adalah kaedah kualitatif dengan penelitian kepustakaan (*library research*) yang terdiri naskah kertas kerja, jurnal dan buku, kitab turath islami menjadi rujukan utama dan penelitian di kajian lapangan (*field research*). Temu bual secara atas talian dan telefon dilaksanakan untuk mengumpul data. Pemilihan informan berdasarkan perzampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi menadapatkan data primer.

KAJIAN LEPAS

Menurut Muhsin (2017), penubuhan institusi zakat bertujuan untuk memaksimumkan kecekapan kutipan zakat. Zakat yang menjadi fokus adalah zakat harta meliputi kutipan zakat pendapatan, perniagaan, emas, simpanan, saham dan pertanian. Namun, zakat pendapatan menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kutipan zakat.

Kajian oleh Sanep, Hairunnizam dan Adnan (2006) bertajuk *Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia* membuktikan bahawa kebanyakan umat Islam berminat membayar zakat kepada institusi zakat. Namun, wujud ketidakpuasan hati dalam kalangan mereka terhadap agihan zakat kepada asnaf. Perasaan puas hati ini sebenarnya memainkan peranan penting dalam kepatuhan seseorang itu untuk membayar zakat di institusi formal atau bukan formal. Faktor-faktor lain seperti ketelusan, amanah dan kecekapan dalam pengurusan zakat juga sangat mempengaruhi minat seseorang itu untuk membayar zakat kepada institusi zakat. Sebenarnya struktur pengurusan dan pentadbiran institusi zakat amat bergantung kepada Majlis Agama Islam Negeri. Permasalahan wujud terutamanya dalam urusan pengagihan zakat berpunca daripada perbezaan dari segi pengurusan dan pentadbiran serta kepelbagaian kaedah dalam aktiviti pengagihan hasil zakat. Peranan institusi zakat sebagai badan untuk membantu golongan miskin tidak dapat diserlahkan dan kurang menyakinkan. Hal ini berpunca daripada jumlah kutipan yang sedikit dibandingkan dengan orang yang layak membayar zakat.

Menurut Mohd Faisal (2020), perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia juga telah mempengaruhi institusi zakat di Malaysia untuk menjalin hubungan kerjasama dengan institusi perbankan Islam bagi meningkatkan kutipan zakat. Hal ini membuktikan bahawa

institusi zakat negeri sentiasa berusaha mempelbagaikan kaedah kutipan zakat selaras dengan perkembangan ekonomi semasa dan juga perubahan teknologi. Jumlah kutipan zakat di Malaysia sentiasa mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Kajian oleh Muhsin (2013) mendapati walaupun kutipan zakat dilihat berkembang maju dengan cemerlang, namun masih terdapat beberapa sudut yang boleh ditambah baik. Kepelbagaian kaedah bayaran zakat oleh institusi zakat di Malaysia sebenarnya mampu meningkatkan hasil kutipan zakat (Mohammed & Sorfina, 2012). Menurut Hairunnizam et al. (2009) pula, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat iaitu kaedah pembayaran yang mudah, pengurusan zakat yang semakin cekap, penswastaaan institusi zakat dan sebagainya. Namun kajian oleh Mohd Faisol (2016) mendapati faktor demografi institusi zakat negeri, kekurangan kerjasama antara institusi zakat negeri dengan LHDN dan pihak IPTA serta ketiadaan Akta dan Ordinan ataupun enakmen khusus yang mewajibkan semua institusi perbankan Islam di Malaysia menawarkan kaunter zakat telah menyebabkan wujudnya ketidakseragaman kaedah kutipan zakat di Malaysia.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Faisol (2014) juga menjelaskan bahawa penggunaan laman sesawang zakat membolehkan para pengguna mendapatkan maklumat terkini dengan tepat. Selagi mana mereka dihubungkan dengan perkhidmatan internet, pembayaran zakat boleh dilakukan secara atas talian tanpa perlu hadir di kaunter bayaran secara fizikal.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan pengurusan zakat di Kedah mengalami perubahan yang besar dalam aspek pengurusan kutipan zakat. Tranformasi kaedah kutipan zakat oleh LZNK difokuskan kepada mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat bagi menyokong aktiviti kutipan zakat. LZNK telah membangunkan pangkalan data penyumbang dan penerima zakat. Pendekatan baharu ini menggunakan maklumat daripada pangkalan data untuk menentukan perancangan dan perubahan operasi LZNK. Perubahan ini agak bertepatan dengan keadaan dunia yang sedang berhadapan dengan wabak penyakit Covid-19. Pandemik Covid-19 telah mengubah cara bekerja dan menghadkan pergerakan.

LZNK telah membangunkan saluran elektronik baru iaitu sistem bayaran menerusi aplikasi telefon (*mobile phone apps*) dan (*Zakat on Touch*). Sistem aplikasi ini banyak memudahkan penyumbang menyalurkan sumbangan zakat kepada LZNK untuk diurus dan diberikan kepada asnaf.

Hasil dari penyelikan dan temu bual yang dijalankan, mendapati penggunaan teknologi sepenuhnya dalam urusan transaksi dan maklumat kepada awam dilakukan dengan menggunakan kemudahan teknologi yang dibangunkan.

Jadual 2. Kaedah Kutipan Zakat Negeri Kedah

1	Pendekatan melalui Teknologi Maklumat (IT)	✓
2	Amil; Majikan Agensi Syarikat Sek Agama Pertubuhan Masjid	✓

3	Institusi Pengajian Tinggi Ejen Profesional Kaunter Zakat	✓
4	Perbankan Internet	✓

Sumber: Web rasmi LZNK

Berdasarkan Jadual 2 di atas, terdapat empat pendekatan baharu kutipan zakat di negeri Kedah hasil daripada proses tranformasi. Kajian mendapati kesemua aktiviti berasaskan kepada teknologi maklumat. Penglibatan teknologi maklumat dalam kutipan zakat Kedah termasuklah yang melibatkan perbankan. Walau bagaimanapun, masih terdapat negeri di Malaysia yang menggunakan kaedah pembayaran cara tradisional. Menurut Mohammed & Sorfina, (2012) wujudnya kepelbagaian kaedah bayaran dan kutipan zakat akan meningkatkan kutipan zakat negeri. Transformasi yang diambil oleh LZNK selari dengan perkembangan dunia teknologi yang sedang berkembang pesat seluruh dunia. Langkah ini juga meletakkan LZNK dalam kumpulan amalan pengurusan terbaik dalam konteks pengurusan organisasi.

Pengurusan Berasaskan Teknologi Maklumat (IT)

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, penyelidik mendapati LZNK turut menyediakan kemudahan sistem pembayaran zakat secara *online* atau dalam talian menerusi Skim Barakah. LZNK juga memperkenalkan sistem “Jom Zakat” yang menyediakan kemudahan kepada pembayar untuk mentaksir, bayar, cetak dan kemas kini status bayaran zakat masing-masing secara dalam talian. Laman sesawangnya <https://jom.zakatkedah.com.my//> mampu menawarkan keselesaan, penjimatan masa serta tenaga kepada pembayar dalam menunaikan tanggungjawab membayar zakat. Selain itu, LZNK turut menyiarkan dan mengemas kini aktiviti serta program yang dilaksanakan melalui saluran media sosial *YouTube*, laman sesawang dan *Facebook*. Iklan berbentuk video dan poster dan dokumentari ringkas. Antara kemudahan kutipan menggunakan teknologi maklumat adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan mengira Taksiran Zakat
Melalui web site LZNK pengiraan yang terdapat dalam Kalkulator Jom Zakat menyediakan pengiraan pelbagai jenis zakat dalam memastikan pembayar mendapat taksiran zakat yang tepat.
- ii. Kemudahan Skim Barakah
Jom Zakat memudahkan pembayar zakat membuat potongan gaji secara atas talian samada permohonan baru potongan gaji mahupun penambahan bayaran potongan gaji.
- iii. Kemudahan Penyata tahunan zakat
Sistem yang dibina memudahkan orang awam untuk mengetahui dan mendapatkan penyata tahunan zakat. Penyata yang boleh dicetak pada bila-bila masa.

Pengurusan Amil

Pengurusan perantaraan amil dijalankan dengan lebih terbuka. Amil zakat berperanan membantu LZNK mengutip wang zakat. Penglibatan amil dikembangkan kepada kepelbagaian institusi dengan mewujudkan kerjasama mengutip zakat. LZNK melakukan usaha sama dengan

beberapa agensi swasta serta kerajaan dalam kutipan zakat. Misalnya, melibatkan usahawan Muslim di Kedah. Program berbentuk latihan dan kemahiran kepada usahawan yang memerlukan. Hal ini memudahkan kutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan tersebut tanpa perlu hadir ke pejabat LZNK. Di samping itu, kutipan zakat diteruskan dengan melibatkan individu dan kepelbagaian institusi pelbagai sektor seperti agensi pembiayaan mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Antaranya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Pengurusan Kaunter

LZNK melakukan transformasi dengan mengambil pendekatan turun padang bagi mendekati LZNK dengan masyarakat Islam. Bagi memudahkan pembayaran zakat, LZNK membuka kaunter bergerak di pelbagai lokasi seluruh negeri Kedah. Pendekatan ini membolehkan LZNK memberi penerangan dan juga panduan kepada orang ramai mengenai sistem teknologi yang dibangunkan serta panduan kelayakan untuk memohon bantuan zakat di Kedah. Pendekatan turun padang membolehkan maklumat tentang bantuan zakat sampai kepada lebih ramai masyarakat Islam. Hal ini dapat menangani isu ketidaksampaian maklumat bantuan zakat kepada orang ramai seperti yang dinyatakan oleh Azman Ab Rahman dan Ahmad Wifaq (2011).

Pengurusan Perbankan

Kemudahan bayaran atas talian melalui website LZNK menyediakan kemudahan pembayaran pelbagai jenis zakat secara atas talian melalui FPX dan jomPAY. Pembayar zakat hanya perlu memilih bank dan kemudian membaca lafaz niat zakat sebelum membuat bayaran. Sistem yang dibangunkan ini memberi pilihan kepada membayar zakat pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada.

KESIMPULAN

Transformasi kutipan zakat oleh LZNK menggunakan teknologi maklumat turut mempengaruhi pembayar zakat untuk membayar zakat kepada LZNK. Pendekatan ini boleh ditingkatkan lagi dengan memberi dan menyediakan kemudahan kepada orang awam sebagai sumbangan WIFI percuma di Masjid yang dapat di manfaatkan oleh anak Qaryah masjid dan membantu mempercepatkan amil menjalankan tujan mengutip zakat.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian dari hasil penyelidikan di bawah Geran Institute of Zakat Research and Innovation (IPIZ) bertajuk '*Developing Best Practice Model of Zakat Administration: Analysis on Zakat Institutions in Kedah, Malaysia and Pattani Province, Thailand*'. Penyelidik ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang telah membiayai kajian ini, dan kepada Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat serta Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Utara Malaysia yang mengurus dan mengawal selia kajian ini.

RUJUKAN

- Anwar (2014) Undang-undang Pentaadbiran Zakat pada Zaman awal Islam, Conference on Masjid and Wakaf, Kolej Universiti Islam Selangor
- Muhsin Nor Paizin(2017) Desentralisasi Kuasa dalam Organisasi Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Terhadap Pelaksanaan Kutipan Zakat
- Saudah Ahmad, Noor Asma Jamaluddin, Syahrul Faizaz Abdullah, Syahrina Abdullah, Armanurah Mohamad (2020) Pelaksanaan Mekanisme Kutipan Zakat Perniagaan: Satu Pendekatan Proaktif Oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)
- Mohd Faisol Ibrahim (2020) Perbandingan Kaedah Kutipan Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Negeri-Negeri Utara Malaysia Comparison of Zakah Property Collection Methods through Zakat Institutions in Northern, Journal Zakat Kedah
- Jasni Sulong and Anwar Mohd Ali (2012) Kajian Perbandingan Dalam Pentadbiran Undang-Undang Kutipan Zakat Di Provinsi Aceh Dan Negeri Kedah, Kajian Malaysia
- Ahmad Hidayat Buang (1999) Kutipan Dan Agihan Zakat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian, *Jurnal Syariah*
- Muhsin Nor Paizin¹, Suhaili Sarif (2021) Strategi Pengurusan Kutipan Zakat Semasa: Optimumkah Kutipan Zakat Di Malaysia, sains insani
- Adibah Abdul Wahab, Joni Tamkin Borhan (2016) Potensi Kutipan Zakat Perniagaan Syarikat Tersenarai Awam Di Malaysia, *Shariah Journal*, Vol. 24, No. 2 (2016) 207-236
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Naqib Hamdan (2017). Isu kutipan zakat tanpa kebenaran: Kajian dari perspektif perundangan Syariah, Akademik Pengajian Islam Kontemporori (Acis) UiTM.
- Ram Al Jaffri Saad (2016). Analisis Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) Bagi Tahun 2015 dan 2016, Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke-3.
- Mohamad Zaki Razaly, Mohd Zainodin Mustaffa, Mohd Asyadi Redzuan, Shahrinizam Mansor, Nurufatinah Umar (2013). Isu kutipan zakat perniagaan di negeri Johor: Kajian di Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ), *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*.
- Muhsin Nor Paizin (2017) Desentralisasi kuasa dalam organisasi Pengurusan zakat di malaysia: Analisis terhadap pelaksanaan Kutipan zakat, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala lumpur.
- Muhammad Khairi bin Mahyuddin (2019) The Contributions Of Spirituality In Da'wah Dan Management: A Historical Study Of Wan Sulaiman Wan Siddik, A 19th Sufi And Shaykh Islam Kedah.
- Mohd Kalam Daud Mohd Irfan Najmy Bin Mohd Nazly (2018) Peranan Unit Khidmat Dan Nasihat Keluarga Jabatan Agama Islam Kedah Dalam Upaya Menurunkan Angka Perceraian (*Studi Kasus di Jabatan Agama Islam Kedah, Malaysia*) El-USrah: *Jurnal Hukum Keluarga*.
- Hambari , Arif Ali Arif, Muntaha Artalim Zaim, 2020) Asnaf Zakat Dan Pendistribusiannya: Tinjauan Fikih Dan Ekonomi Kontemporer, Kasaba: *Jurnal Ekonomi Islam*.
- Abdul Wahab an-Nazār (t.t.), *al-Khulāfa al-Rāsyidīn*, Bayrut: Dār al-Fikr.

- Zarina Kadri, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. (2012). Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi Kearah Negara Berpendapatan Tinggi, Dalam *Kertas Kerja Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII*, Jld II, Perak.
- Mohamed Izam, M. Y. (2010). *Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan*. Zakat Transformation: From Subsistence to Productive. Kertas kerja dibentangkan di International Development Management Conference (IDMAC 2010), Universiti Sains Malaysia, 22 Disember. Malaysia: Penang.
- Ahmad Hidayat & Saidatul. (2014). Pentadbiran Zakat Dan Kesedaran Masyarakat Islam Membayar Zakat Di Daerah Kota Belud Sabah. *Sains Humanika*. 2(1): 125-134.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Naqib Hamdan. (2017). Isu Kutipan Zakat Merentasi Sempadan Negeri Di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Hukum Islam, *Isu-isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. UITM, 189-195.
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar & Che Thalbi Md Ismail. (2017). Kerangka Perundangan Pentadbiran Zakatdi Negeri Kedah: Satu Analisis Perbandingan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 3 (6), 1–9.